

Psikologi Pendidikan dalam Dakwah Islamiah

Educational Psychology in Islamic Preaching

Nawi Jusoh¹, Abdulkarim Samaeng¹

(Received: Oct 22, 2024; Revised: May 21, 2025, 2022; Accepted: Jun 05, 2025)

Abstrak

Perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk merupakan asas penting dalam menjamin keharmonian dan kestabilan negara. Dalam konteks dakwah Islamiah, pendekatan psikologi pendidikan dapat berperanan besar dalam membina perpaduan melalui kefahaman mendalam terhadap tingkah laku, emosi dan keperluan pendidikan individu. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti bagaimana elemen psikologi pendidikan dapat dimanfaatkan dalam menyampaikan mesej dakwah yang lebih berkesan serta menyemai semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan pengumpulan data melalui temu bual mendalam. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan prinsip psikologi pendidikan, seperti empati, komunikasi dua hala, dan gaya penyampaian yang sesuai dengan tahap perkembangan audien, mampu meningkatkan keberkesanan dakwah dan seterusnya menyumbang kepada pengukuhan perpaduan. Disamping itu, penggabungan Psikologi Pendidikan dalam dakwah Islamiah bukan sahaja memperhalus pendekatan penyampaian mesej agama, tetapi juga berupaya merapatkan jurang perbezaan antara individu serta membentuk masyarakat yang lebih bersatu padu. Oleh itu, para pendakwah dan institusi pendidikan disarankan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam bidang Psikologi Pendidikan sebagai sebahagian daripada latihan dakwah secara holistik.

Kata Kunci: *Psikologi Pendidikan, Dakwah Islamiah, Perpaduan*

¹ Faculty of Islamic Studies and Law, Fatoni University, Thailand. (Corresponding author / Email: 1dnjsam@gmail.com)

Abstract

Unity within a pluralistic society is a fundamental pillar in ensuring national harmony and stability. In the context of Islamic preaching, the approach of educational psychology plays a significant role in fostering unity through a deep understanding of individual behavior, emotions, and educational needs. The objective of this study is to examine how elements of educational psychology can be utilized to deliver more effective preaching messages and instill a spirit of unity within society. This study adopts a qualitative approach, with data collected through in-depth interviews. The findings reveal that the application of Educational Psychology principles such as empathy, two-way communication, and delivery styles suited to the developmental level of the audience can enhance the effectiveness of preaching and subsequently contribute to the strengthening of unity. Moreover, the integration of educational psychology into Islamic preaching not only refines the method of religious message delivery but also helps bridge differences between individuals and foster a more cohesive society. Therefore, it is recommended that preachers and educational institutions improve their understanding and skills in educational psychology as part of a holistic preaching training program.

Keywords: *Educational Psychology, Islamic Preaching, Unity*

Pendahuluan

Perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk merupakan asas penting dalam menjamin keharmonian dan kestabilan sesebuah negara kerana masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, budaya, dan latar belakang memerlukan satu ikatan nilai bersama yang dapat menyatukan mereka. Dalam konteks Malaysia, masyarakat majmuk merangkumi kaum Melayu, Cina, India, serta pelbagai etnik pribumi di Sabah dan Sarawak. Jika wujud persefahaman dan toleransi antara semua kelompok ini, maka pelbagai isu sensitif seperti perkauman, agama dan budaya dapat ditangani secara harmoni tanpa menjejaskan kesejahteraan nasional.

Perpaduan ini menjadi tunjang kepada kestabilan politik, kelancaran pentadbiran dan pertumbuhan ekonomi negara. Apabila rakyat bersatu padu dan menghormati perbezaan, mereka akan lebih mudah bekerjasama dalam semua aspek kehidupan – sama ada dalam bidang pendidikan, pekerjaan, mahupun sosial. Hal ini sejajar dengan prinsip Rukun Negara seperti “Kesopanan dan Kesusilaan” serta “Kesetiaan kepada Raja dan Negara” yang menggalakkan semangat perpaduan nasional. (Rukun Negara Malaysia, 1970).

Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2006), perpaduan sosial di Malaysia bukanlah satu matlamat yang statik, tetapi merupakan proses berterusan yang perlu dipupuk menerusi dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Wawasan Kemakmuran Bersama. Selain itu, peranan institusi seperti sekolah, masjid, gereja, kuil, media dan keluarga sangat penting dalam membentuk sikap saling menghormati dan menghargai nilai kepelbagaian budaya dalam kalangan rakyat. Tanpa perpaduan, negara akan terdedah kepada konflik, ketegangan kaum dan ketidakstabilan yang boleh menggugat keselamatan serta menjejaskan nama baik negara di peringkat antarabangsa. Maka jelas bahawa perpaduan bukan sahaja menjadi asas kepada keharmonian sosial tetapi juga sebagai prasyarat utama bagi kestabilan dan pembangunan negara yang mampan. (Khoo, G. C., 2002)

Psikologi pendidikan merupakan cabang ilmu psikologi yang mengkaji bagaimana manusia belajar dalam persekitaran pendidikan, termasuk proses kognitif, emosi, motivasi dan perkembangan pelajar.

Dalam konteks dakwah Islamiah, penggunaan prinsip dan pendekatan psikologi pendidikan sangat penting untuk memastikan mesej dakwah dapat disampaikan dengan lebih berkesan dan diterima oleh mad'u (sasaran dakwah) secara positif.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk melihat sejauhmanakah keberkesanan psikologi pendidikan dalam dakwah Islamiah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk memahami fenomena dalam psikologi pendidikan dalam dakwah Islamiah. Rekabentuk kualitatif yang digunakan adalah berbentuk kajian kes untuk meneliti strategi dakwah sejauh manakah ianya memberi kesan positif samada di peringkat national maupun global.

Untuk itu, dua sumber bahan kajian digunakan dalam kajian ini iaitu sumber primer yang terdiri dari bahan rujukan utama al-Qur'an dan hadis. Selain itu, sumber sekunder juga turut digunakan yang merangkumi metod temubual separa berstruktur dengan mereka yang berkenaan, pemerhatian lapangan, catatan lapangan, dokumen resmi seperti dasar kerajaan, laporan institusi, artikel ilmiah, buku teks, rekod sejarah dan sumber digital. (Braun, V. & Clarke, V., 2006)

Sumber tersebut, turut dianalisis secara analisis kandungan yang merangkumi langkah-langkahnya seperti berikut;

1. Transkripsi data temubual dan pemerhatian
2. Kodifikasi awal terhadap isu-isu penting yang muncul
3. Kategorisasi kod-kod kepada tema utama
4. Interpretasi tema untuk memahami makna mendalam dan hubungan antara tema
5. Triangulasi data dilakukan bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan.

Setelah data maklumat kajian dianalisis, dapatan kajian disampaikan secara deskriptif dan naratif dengan menyusun tema utama dan disokong oleh petikan langsung daripada kajian-kajian lain bagi memberi gambaran sebenar tentang sesuatu hasil kajian. Antaranya ialah, pengenalan tema atau subtema, perbincangan deskriptif berdasarkan data, petikan kata-kata temubual sebagai bukti sokongan dan analisis interpretasi berdasarkan teori atau kerangka kajian. Penyampaian ini memberi ruang kepada pembaca untuk memahami makna tersirat dan interpretasi mendalam terhadap fenomena yang dikaji.

Dapatan dan Perbincangan

Psikologi pendidikan ialah cabang ilmu psikologi yang mengkaji bagaimana manusia memahami persekitaran pendidikan, termasuk proses kognitif, emosi, motivasi dan perkembangan. Dalam konteks dakwah Islamiah, penggunaan prinsip dan pendekatan psikologi pendidikan sangat penting untuk memastikan mesej dakwah dapat disampaikan dengan lebih berkesan dan diterima oleh sasaran dakwah secara positif. Antaranya ialah:

1. Memahami Perkembangan Individu

Psikologi pendidikan membantu pendakwah memahami tahap perkembangan intelektual, emosi dan sosial individu atau kumpulan yang menjadi sasaran dakwah. Contohnya, dakwah kepada kanak-kanak memerlukan pendekatan yang berbeza daripada dakwah kepada golongan dewasa atau warga emas. Setiap kumpulan umur memiliki keperluan, gaya komunikasi dan tahap kefahaman yang berbeza. (Santrock, J. W., 2011).

Psikologi pendidikan menekankan bahawa setiap individu melalui pelbagai peringkat perkembangan dari segi kognitif (pemikiran), afektif (emosi) dan sosial, sebagaimana yang dijelaskan dalam teori-teori seperti Teori Perkembangan Kognitif Piaget, Teori Sosial-Erikson, dan Teori Moral Kohlberg. Pendakwah yang memahami ciri-ciri ini akan dapat merancang pendekatan dakwah yang sesuai dengan tahap perkembangan sasaran dakwah

a. Dakwah kepada Kanak-Kanak

Kanak-kanak berada pada tahap pemikiran konkrit, di mana mereka memahami konsep melalui pengalaman langsung dan benda nyata. Oleh itu, pendekatan dakwah kepada kanak-kanak perlu bersifat interaktif, bergambar, bercerita, bermain peranan dan penggunaan visual atau audio agar mesej Islam dapat difahami dengan mudah. Contoh pendekatannya ialah bercerita kisah Nabi atau sahabat dengan unsur teladan moral. Aktiviti kreatif seperti melukis kisah sirah atau bermain kuiz Islamik. Sebagaimana sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud “*Ajarlah anak-anak kamu solat ketika mereka berumur tujuh tahun...*” (Hadis Abu Dawud). Ini menunjukkan bahawa pendekatan pendidikan Islam kepada kanak-kanak perlu bermula dari usia perkembangan asas.

b. Dakwah kepada Remaja

Remaja sedang melalui fasa pencarian identiti dan pengaruh sosial. Emosi mereka tidak stabil, mudah terpengaruh, dan inginkan penerimaan daripada rakan sebaya. Oleh itu, pendekatan dakwah kepada remaja perlu ialah bersifat empatik dan tidak menghakimi, memberi ruang dialog dua hala, menekankan praktikaliti Islam dalam kehidupan harian dan menggunakan pendekatan rakan sebaya (peer-to-peer) atau ikon remaja Muslim yang positif.

c. Dakwah kepada Dewasa

Individu dewasa memiliki pemikiran yang lebih kompleks dan pengalaman hidup yang pelbagai. Mereka cenderung menilai agama dari sudut rasional dan pengalaman peribadi. Oleh itu, dakwah kepada golongan ini perlu menekankan ialah hujah intelektual dan logic, perbincangan ilmu bukan hanya ceramah satu hala dan menyentuh isu semasa yang relevan seperti ekonomi Islam, peranan keluarga, atau pembangunan diri dalam Islam. Sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud “*Sesungguhnya orang-orang yang mendengar perkataan lalu mengikuti apa yang paling baik di antaranya, mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk...*” (Surah Az-Zumar: 18)

d. Dakwah kepada Warga Emas

Warga emas sering berada dalam fasa reflektif dan keinginan kepada ketenangan jiwa. Mereka lebih mudah tersentuh dengan pendekatan sentimental, kenangan dan ketenangan hati. Pendakwah perlu menggunakan bahasa lembut dan hormat, memberi pengisian yang menenangkan (contohnya, tentang akhirat, pahala berterusan, peranan sebagai datuk/nenek) dan memberi peluang kepada mereka berkongsi pengalaman sebagai bentuk pengiktirafan sosial. (Zakaria Stapa, 2003)

Kesimpulannya, memahami perkembangan individu membolehkan pendakwah menyesuaikan mesej dan pendekatan agar lebih efektif, diterima dan memberi kesan berpanjangan. Dakwah yang tidak disesuaikan dengan perkembangan sasaran dakwah boleh menyebabkan mesej Islam disalah tafsir atau ditolak. Justeru, penerapan ilmu

psikologi pendidikan adalah satu keperluan dalam membina strategi dakwah yang bijaksana dan berkesan.

2. Meningkatkan Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Penyampaian

Psikologi pendidikan memberi panduan dalam memilih pendekatan dakwah yang sesuai seperti strategi pengajaran berpusatkan sasaran dakwah, pembelajaran aktif, penggunaan alat bantu visual, dan penyesuaian kepada pelbagai gaya penyampaian. Hal ini penting agar mesej dakwah tidak hanya disampaikan, tetapi benar-benar difahami dan dihayati. (Slavin, R. E., 2018).

Memahami perkembangan individu bukan sekadar memberi manfaat kepada bidang pendidikan, malah sangat penting dalam proses penyampaian dakwah Islamiah. Hal ini kerana setiap individu mempunyai tahap kematangan mental, emosional, dan spiritual yang berbeza berdasarkan umur, pengalaman hidup, latar belakang sosial, dan persekitaran mereka. Justeru, pendakwah yang memiliki kefahaman tentang psikologi pendidikan mampu menyesuaikan kandungan, gaya komunikasi, serta strategi penyampaian dakwah agar bertepatan dengan keperluan dan kemampuan sasaran dakwah. Ini menjadikan dakwah lebih efektif, mesra, dan menyentuh jiwa sasaran.

Sebaliknya, kegagalan memahami perkembangan sasaran dakwah boleh menyebabkan pendekatan yang digunakan bersifat terlalu umum, tidak relevan, atau sukar difahami. Contohnya, menggunakan istilah teknikal agama kepada kanak-kanak atau menyampaikan ceramah berbentuk peringatan kematian kepada remaja yang masih mencari identiti, boleh menjadikan mesej dakwah tidak diterima, malah mungkin mencetuskan rasa takut, keliru, atau penolakan. Pendakwah juga berisiko menyampaikan mesej Islam secara tidak bijaksana, hingga mencacatkan imej agama sebagai rahmat dan petunjuk.

Lebih jauh lagi, psikologi pendidikan menekankan pembelajaran bermakna, iaitu proses di mana individu bukan sahaja menerima maklumat tetapi juga memahami, menghayati dan mengaplikasikan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan. Ini seiring dengan

matlamat dakwah Islamiah yang tidak hanya mahu menyampaikan maklumat agama, tetapi juga membentuk keperibadian, sikap dan amalan seseorang ke arah keredhaan Allah s.w.t.

Justeru, penerapan ilmu psikologi pendidikan dalam dakwah bukanlah satu pilihan, tetapi suatu keperluan yang mendesak dalam dunia moden yang semakin kompleks. Pendakwah perlu dilengkapi dengan ilmu psikologi yang membantu mereka menjadi lebih sensitif terhadap keperluan mad'u dan lebih fleksibel dalam pendekatan dakwah. Ini termasuklah memahami motivasi dalaman seseorang, menangani perbezaan gaya belajar, mengurus konflik dalaman, dan membina hubungan yang kukuh antara pendakwah dan sasaran dakwah.

Kesimpulannya, strategi dakwah yang berkesan adalah strategi yang berakar pada kefahaman terhadap fitrah dan perkembangan manusia, serta menyampaikan mesej Islam dengan hikmah, empati, dan kasih sayang. Inilah yang dituntut dalam firman Allah s.w.t. yang bermaksud *"Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang paling baik..."* (Surah al-Nahl: 125)

3. Mengurus Emosi dan Tingkah Laku Sasaran Dakwah

Dalam konteks dakwah, reaksi sasaran dakwah boleh berbeza-beza – ada yang terbuka, ada yang skeptikal dan ada yang menolak. Psikologi pendidikan membolehkan pendakwah memahami mekanisme emosi, tingkah laku, dan konflik dalaman yang dihadapi oleh sasaran dakwah. Dengan ini, pendekatan yang lebih empati, sabar, dan hikmah boleh digunakan. (Goleman, D., 1995)

Dalam realiti medan dakwah, reaksi sasaran dakwah tidak seragam, ada yang menunjukkan keterbukaan dan minat terhadap mesej Islam, tetapi tidak kurang juga yang bersikap ragu-ragu, berkecuali, malah ada yang menolak atau memusuhi secara terang-terangan. Sikap ini berpunca daripada pelbagai faktor seperti latar belakang keluarga, pengalaman hidup, tekanan sosial, trauma agama, atau pengaruh media. Maka, penguasaan

ilmu psikologi pendidikan oleh pendakwah menjadi sangat penting bagi memahami mekanisme emosi dan tingkah laku mad'u secara lebih mendalam dan strategik.

a. Pemahaman Terhadap Emosi dan Konflik Dalaman

Setiap individu membawa bersamanya emosi yang kompleks seperti ketakutan, kemarahan, rasa rendah diri, kecewa, atau rasa tidak dihargai. Ada yang mungkin pernah mempunyai pengalaman buruk dengan tokoh agama atau institusi keagamaan sehingga mereka menjadi sinis terhadap dakwah. Psikologi pendidikan membantu pendakwah mengenalpasti akar emosi ini, serta mengelak daripada bersikap menghakimi, menyalahkan atau terlalu keras terhadap sasaran dakwah yang "tidak sempurna" dari segi ibadah atau kefahaman. Contohnya, seseorang remaja yang terlibat dalam budaya hedonisme mungkin bukan kerana jahat, tetapi kerana kekurangan kasih sayang, identiti diri yang rapuh, dan tekanan rakan sebaya. Jika pendakwah memahami latar emosi ini, maka pendekatan yang digunakan akan lebih lembut, memahami dan memberi harapan, bukan menghukum. Sebagaimana sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud *"Barang siapa yang tidak menyayangi, dia tidak akan disayangi."* (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

b. Pendekatan Psikologi dalam Mengurus Tingkah Laku

Psikologi pendidikan mengajarkan teknik untuk mengubah tingkah laku seperti melalui pengukuhan positif (positive reinforcement), pembentukan berperingkat (shaping), dan pencontohan (modelling). Dalam dakwah, ini diterjemahkan dengan memberi pengiktirafan terhadap usaha kecil mad'u, memberi dorongan berterusan, dan menjadi contoh teladan (qudwah hasanah) dalam akhlak serta ucapan. Sebagai contoh, apabila seorang muallaf mula solat secara tidak konsisten, pendakwah boleh memberi sokongan moral dan memberi pujian atas setiap kemajuan, bukannya mengkritik kelemahan. Ini menimbulkan motivasi dalaman dan membina kepercayaan terhadap dakwah Islamiah.

c. Membina Hubungan Emosi dan Kepercayaan (Trust)

Pengaruh dakwah tidak semata-mata terletak pada isi kandungan dakwah, tetapi juga pada hubungan emosi antara pendakwah dan mad'u. Psikologi menunjukkan bahawa seseorang lebih cenderung mendengar dan menerima pandangan orang yang mereka percaya, rasa selamat, dan disayangi. Maka, pendakwah perlu mengamalkan empati, mendengar secara aktif, tidak memotong cakap, dan menyantuni mad'u dengan hikmah. Sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud *"Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri darimu."* (Surah Ali 'Imran: 159)

d. Mengurus Penolakan dengan Matang

Psikologi pendidikan juga membantu pendakwah mengurus kekecewaan dan tekanan emosi apabila dakwah ditolak. Mereka belajar untuk tidak memaksa, tidak cepat kecewa, dan terus istiqamah dengan kefahaman bahawa hidayah milik Allah. Pendakwah yang matang secara emosi akan lebih fokus kepada proses dan usaha dakwah, bukan semata-mata hasil segera.

Kesimpulannya, dakwah bukan sekadar menyampaikan fakta atau hujah, tetapi juga seni menyentuh hati dan mengurus emosi manusia. Dengan mengaplikasikan prinsip psikologi pendidikan, pendakwah dapat menangani pelbagai reaksi sasaran dakwah dengan kesabaran, hikmah dan strategi psikososial yang membina, menjadikan dakwah lebih inklusif, belas ihsan dan berkesan dalam jangka masa panjang.

4. Memupuk Motivasi untuk Beragama

Salah satu elemen penting dalam psikologi pendidikan ialah teori motivasi. Pendakwah yang memahami teori seperti Hierarki Keperluan Maslow atau Teori Motivasi Intrinsik dapat merancang pendekatan dakwah yang mendorong mad'u untuk berubah dan mendekatkan diri kepada Allah atas dasar kefahaman dan kerelaan, bukan paksaan. (Maslow, A. H., 1943)

Salah satu kunci kejayaan dalam dakwah Islamiah ialah memupuk motivasi dalaman dalam diri sasaran dakwah agar mereka terdorong untuk beragama dengan kesedaran, kefahaman dan kerelaan hati, bukan kerana paksaan, tekanan atau kebiasaan sosial semata-mata. Dalam psikologi pendidikan, teori motivasi memainkan peranan penting dalam memahami apa yang mendorong seseorang untuk belajar, berubah dan bertindak, dan hal ini boleh diaplikasikan secara langsung dalam konteks dakwah.

Abraham Maslow (1943) mengemukakan teori hierarki keperluan manusia, di mana motivasi manusia digerakkan oleh lima peringkat keperluan iaitu 1) Keperluan fisiologi – makan, minum, tempat tinggal. 2) Keperluan keselamatan – perlindungan, kestabilan hidup. 3) Keperluan kasih sayang dan kepunyaan hubungan sosial, keluarga, komuniti. 4) Keperluan harga diri dihargai, dihormati, keyakinan diri dan 5) Keperluan aktualisasi diri merealisasikan potensi diri dan mencari makna hidup. (Maslow, A. H., 1943)

Dalam konteks dakwah, pendakwah perlu memahami di mana tahap keperluan sasaran dakwah berada agar pendekatan dakwah selaras dengan motivasi mereka. Sebagai contoh:

- a. Golongan miskin atau pelarian mungkin belum bersedia menerima nasihat tentang ibadah sunat jika keperluan asas mereka belum dipenuhi. Maka dakwah perlu bermula dengan bantuan kebajikan disertai nilai-nilai Islam.
- b. Remaja yang bergelut dengan identiti diri mungkin lebih mudah menerima dakwah yang membantu mereka membina harga diri dan jati diri Islam.
- c. Individu yang sudah stabil dan berpendidikan mungkin mencari makna kehidupan, lalu lebih terbuka kepada pengisian spiritual yang mendalam.

Dakwah yang gagal mempertimbangkan keperluan asas manusia sering tidak berkesan kerana mesejnya tidak selari dengan realiti kehidupan sasaran dakwah. Dalam psikologi pendidikan, terdapat dua jenis motivasi utama:

- a. Motivasi ekstrinsik: didorong oleh ganjaran luar seperti pujian, ganjaran, atau takut hukuman.

b. Motivasi intrinsik: datang dari dalam diri individu, seperti rasa ingin tahu, kepuasan rohani, dan kesedaran untuk menjadi lebih baik. (Ryan, R. M., & Deci, E. L., 2000).

Pendakwah yang berkesan ialah mereka yang mampu menghidupkan motivasi intrinsik dalam diri mad'u, agar ibadah dan akhlak baik dilakukan dengan ikhlas dan istiqamah, bukan kerana ingin dilihat orang atau kerana terpaksa. Contoh pendekatan;

a. Menyemai kefahaman bahawa solat adalah pertemuan peribadi dengan Allah, bukan sekadar kewajipan.

b. Mendidik bahawa membaca al-Qur'an memberi ketenangan dan kekuatan dalaman, bukan hanya sebagai ritual.

c. Mengaitkan nilai Islam dengan kehidupan seharian agar Islam dilihat sebagai jawapan kepada pencarian makna dan kebahagiaan.

Dari perspektif Islam sendiri, motivasi seseorang beragama perlu berpaksikan kepada tiga elemen asas:

a. Khauf (takut kepada Allah)

b. Raja' (harap kepada rahmat Allah)

c. Mahabbah (cinta kepada Allah)

Ketiga-tiga elemen ini membentuk motivasi spiritual yang seimbang. Pendakwah yang memahami aspek ini dapat menyusun pengisian dakwah yang tidak hanya menakutkan mad'u dengan azab neraka (khauf), tetapi juga memberi harapan terhadap keampunan dan rahmat (raja') serta menanamkan rasa cinta kepada Allah melalui keindahan Islam (mahabbah).

Kesimpulannya, motivasi adalah asas kepada perubahan tingkah laku. Dalam dakwah Islamiah, matlamat bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi menggerakkan hati dan mendorong tindakan. Dengan menerapkan prinsip psikologi motivasi, pendakwah dapat merancang strategi dakwah yang lebih efektif, menyentuh emosi dan membina kesedaran mendalam. Ini menjadikan mad'u bukan hanya mengetahui apa yang benar, tetapi juga terdorong untuk mengamalkannya dengan rela dan istiqamah.

5. Mengukuhkan Proses Pembentukan Akhlak dan Jati Diri

Psikologi pendidikan juga membantu dalam membentuk akhlak dan nilai Islam melalui strategi pembelajaran yang memupuk disiplin dalaman, kesedaran diri dan empati. Dakwah bukan sekadar penyampaian ilmu, tetapi proses membentuk peribadi Muslim yang holistik. (al-Ghazali, 2005)

Dalam Islam, akhlak merupakan teras utama kehidupan beragama. Malah Nabi Muhammad s.a.w. sendiri menyatakan bahawa tujuan utama kerasulannya adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia. Sebagaimana sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud *"Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."* (Hadis riwayat al-Bukhari)

Oleh itu, dakwah Islamiah yang berjaya bukan hanya menyampaikan hukum-hakam atau ritual ibadah, tetapi membentuk peribadi Muslim yang seimbang, berakhlak mulia dan memiliki jati diri Islam yang kukuh. Di sinilah psikologi pendidikan memainkan peranan penting dalam menyediakan pendekatan dan strategi yang sesuai untuk membentuk akhlak serta identiti diri secara berkesan.

a. Strategi Pembelajaran Berasaskan Nilai

Psikologi pendidikan menekankan bahawa pembelajaran yang berkesan perlu melibatkan dimensi kognitif, afektif, dan psikomotor. Ini bermakna, proses pendidikan dan dakwah yang baik bukan sahaja menyampaikan maklumat (kognitif), tetapi juga membentuk sikap (afektif) dan tingkah laku (psikomotor). Dalam konteks ini, akhlak mulia tidak terbina hanya dengan menghafal hadis atau ayat al-Qur'an, tetapi perlu melalui proses penanaman nilai yang berulang, konsisten dan bersifat pengalaman. Contohnya, nilai amanah bukan hanya diajar secara teori, tetapi dipupuk melalui aktiviti yang melibatkan tanggungjawab seperti projek berkumpulan, tugas sosial, atau latihan kepimpinan.

b. Memupuk Disiplin Diri dan Kesedaran Moral

Psikologi pendidikan juga menyediakan pendekatan untuk membentuk disiplin dalaman (self-discipline), yang sangat penting dalam melahirkan individu yang

mampu mematuhi perintah Allah tanpa pengawasan luaran. Dalam dakwah, ini boleh dilakukan melalui latihan sendiri seperti program qiyamullail, puasa sunat, refleksi diri (muhasabah) dan penghayatan sirah Nabi. Penerapan model teladan (role model) seperti tokoh sahabat Nabi yang menunjukkan akhlak tinggi dalam situasi kehidupan sebenar. Menyediakan ruang kepada mad'u untuk mengalami sendiri nilai Islam melalui khidmat masyarakat, interaksi sosial Islamik dan penyelesaian konflik secara syariah.

c. Pembinaan Jati Diri Muslim (Islamic Identity Formation)

Jati diri Muslim merujuk kepada kesedaran, penerimaan dan kebanggaan individu terhadap identiti keislamannya, termasuk dari aspek pemikiran, perasaan dan amalan. Psikologi pendidikan menunjukkan bahawa identiti terbentuk melalui proses sosial, pengaruh persekitaran, dan pengalaman yang berulang. Maka, dakwah yang mendukung pembentukan jati diri Islam perlu 1) Menyediakan persekitaran Islamik yang kondusif – sama ada dalam keluarga, sekolah, organisasi, atau komuniti. 2) Memberi ruang kepada mad'u mengekspresikan diri sebagai Muslim tanpa rasa takut atau malu. 3) Membina kesedaran bahawa menjadi Muslim adalah satu kekuatan, bukan kelemahan, dengan menyuntik nilai ketuhanan, kemanusiaan dan keadilan dalam setiap aspek kehidupan.

d. Peranan Emosi dan Empati dalam Dakwah Akhlak

Psikologi pendidikan menekankan bahawa perubahan akhlak lebih mudah berlaku apabila seseorang dapat merasai dan memahami perasaan orang lain (empati). Dakwah yang memfokuskan kepada akhlak perlu mengaktifkan unsur emosi seperti kisah menyentuh hati (sirah, kisah taubat, kasih sayang ibu bapa). Aktiviti berkumpulan yang menanam nilai kerjasama, tolong-menolong, dan menghormati perbezaan. Refleksi sendiri yang menyedarkan tentang akibat akhlak buruk (seperti ghibah, dengki, hasad).

Pembentukan akhlak dan jati diri Muslim bukan sesuatu yang berlaku secara spontan, tetapi memerlukan proses pendidikan yang terancang, berstrategi dan berasaskan kefahaman psikologi manusia. Dakwah yang hanya menekankan aspek luaran tanpa memupuk nilai dalaman akan gagal melahirkan Muslim yang kukuh imannya dan luhur

akhlakunya. Maka, dengan menerapkan prinsip psikologi pendidikan, pendakwah dapat membina generasi Muslim yang berilmu, berakhlak dan berperibadian Islam sejati.

Kesimpulan

Psikologi pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkukuhkan keberkesanan dakwah Islamiah kerana ia membantu pendakwah memahami manusia secara menyeluruh dari segi perkembangan kognitif, emosi, tingkah laku hingga kepada pembentukan nilai dan jati diri. Melalui kefahaman terhadap perkembangan individu, pendakwah dapat menyesuaikan mesej dan pendekatan dakwah mengikut tahap umur, latar belakang, dan keperluan mad'u. Ini menjadikan dakwah lebih relevan, menyentuh dan berkesan.

Selain itu, pengurusan emosi dan tingkah laku mad'u adalah aspek kritikal yang sering diabaikan. Dengan kefahaman psikologi, pendakwah dapat menggunakan pendekatan empatik dan hikmah, mengelakkan konflik serta membina hubungan dakwah yang lebih kukuh dan dipercayai. Pendekatan ini juga membantu pendakwah menangani reaksi negatif dengan lebih matang dan strategik.

Psikologi pendidikan turut menekankan pembinaan motivasi samaada motivasi intrinsik atau ekstrinsik sebagai asas kepada perubahan dan amalan beragama yang berterusan. Dakwah yang tidak hanya menakut-nakutkan tetapi membangkitkan kesedaran dalaman, nilai, dan makna hidup akan lebih berdaya tahan dalam jiwa mad'u.

Lebih penting, psikologi pendidikan menyokong proses pembentukan akhlak dan jati diri Muslim melalui strategi pembelajaran yang melibatkan disiplin, pengalaman nilai, dan pembentukan identiti. Ini menjadikan dakwah bukan sekadar penyampaian ilmu, tetapi suatu proses pendidikan spiritual dan akhlaki yang menyeluruh dan berkesan.

Kesimpulannya, pendakwah moden perlu menguasai asas psikologi pendidikan agar dapat merancang, menyampaikan dan menyesuaikan strategi dakwah dengan lebih berkesan. Dengan menggabungkan ilmu agama dan ilmu psikologi, pendakwah akan lebih mampu mendekati mad'u secara hikmah, membina hubungan yang kuat, serta menyemai

nilai Islam dalam diri mad'u secara mendalam dan berpanjangan. Inilah pendekatan dakwah yang selari dengan sirah Rasulullah s.a.w. mendidik dengan rahmat, membimbing dengan empati, dan membentuk manusia dengan kasih sayang.

Saranan dan Cadangan

1. Pendakwah perlu mendalami ilmu psikologi pendidikan pendakwah disarankan untuk mendapatkan pengetahuan asas tentang psikologi pendidikan, terutamanya aspek perkembangan individu, motivasi, emosi, dan pembentukan jati diri. Ini penting agar mereka dapat memahami sasaran dakwah dengan lebih baik dan menyampaikan dakwah yang sesuai dengan tahap dan keperluan mereka.

2. Mengadaptasi pendekatan dakwah berdasarkan perkembangan sasaran dakwah, pendekatan dakwah harus disesuaikan dengan usia, latar belakang dan tahap perkembangan sasaran dakwah. Contohnya, pendekatan interaktif dan visual bagi kanak-kanak, serta dialog kritis dan praktikal untuk golongan dewasa. Ini akan meningkatkan keberkesanan penyampaian mesej dakwah.

3. Mengutamakan hikmah, empati dan kesabaran dalam dakwah. Dalam menghadapi pelbagai reaksi sasaran dakwah, pendakwah harus mengamalkan sikap sabar, empati dan menggunakan pendekatan hikmah bagi mengurus emosi dan tingkah laku sasaran dakwah. Sikap ini akan memupuk hubungan kepercayaan dan kesediaan sasaran dakwah untuk menerima dakwah.

4. Memupuk motivasi dalaman sasaran dakwah pendakwah digalakkan untuk menanam motivasi intrinsik dalam sasaran dakwah melalui pengisian yang mendorong kesedaran diri dan kerelaan hati. Penggunaan teori motivasi seperti hierarki keperluan maslow dan elemen khauf, raja' dan mahabbah dalam Islam harus menjadi panduan dalam merancang strategi dakwah.

5. Memperkuat proses pembentukan akhlak dan jati diri dakwah perlu dilihat sebagai proses pendidikan holistik yang membentuk bukan sahaja ilmu tetapi juga akhlak dan identiti Islam sasaran dakwah. Pendekatan berasaskan nilai,

pengalaman, serta pembinaan disiplin dalaman dan empati perlu diintegrasikan dalam strategi dakwah.

6. Penggunaan kaedah pembelajaran aktif dan kreatif pendakwah disaran menggunakan kaedah pembelajaran yang aktif, kreatif dan berpusatkan mad'u untuk menggalakkan penghayatan nilai Islam secara mendalam dan berterusan.

7. Pengukuhan hubungan sosial dan persekitaran kondusif pihak institusi pendidikan, komuniti dan keluarga perlu memainkan peranan dalam mewujudkan persekitaran yang menyokong pembentukan jati diri Muslim dan pengamalan akhlak Islam yang positif.

Rujukan

- al-Ghazali. (2005). *Ihya' Ulum al-Din*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). *Using thematic analysis in psychology. Qualitative Research in Psychology*, 3(2): 77–101.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence*. Los Angelis: Bantam Books.
- Khoo, G. C. (2002). *Reclaiming Adat: Contemporary Malaysian Film and Literature*. UBC Press.
- Maslow, A. H. (1943). *A Theory of Human Motivation. Psychological Review*, 50(4): 370–396.
- Rukun Negara Malaysia. (1970). *Jabatan Perdana Menteri Malaysia*. Selangor: Printer Interpirce.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). *Intrinsic and Extrinsic Motivations: Classic Definitions and New Directions. Contemporary Educational Psychology*, 25(1): 54–67.
- Santrock, J. W. (2011). *Educational Psychology* (5th ed.). McGraw-Hill Education.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2006). *Unity in Diversity: Ethnic Relations in Malaysia*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Slavin, R. E. (2018). *Educational Psychology: Theory and Practice*. BTS Norway: Pearson Education.
- Zakaria Stapa (2003). *Psikologi Dakwah*. Bangi: Penerbit UKM.